

04 JAN 1997

Razaleigh-Undi

TENGGU RAZALEIGH YAKIN BN MENANG DI PULAI CHONDONG

MACHANG, 4 Jan (Bernama) -- Bekas Presiden Parti Melayu Semangat 46 yang dibubarkan, Tengku Razaleigh Hamzah yakin Barisan Nasional (BN) akan memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan kawasan Pulai Chondong Isnin ini.

Beliau berkata, tidak ada sebab kenapa BN boleh kalah pada pilihan raya berkenaan kerana semua bekas anggota S46 di DUN itu telah memasuki UMNO dan berjanji untuk memberi kemenangan kepada calon BN, Yusoff Hamzah.

"Sekarang ini mereka adalah anggota UMNO dan tidak ada lagi orang S46...mereka bekerja dalam satu pasukan dengan baik," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ceramah perdana di Kampung Tok Bok di sini, malam tadi.

Pilihan raya itu diadakan berikutan kematian Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan itu Kapt (B) Mohd Nor Ahmad pada 4 Dis lepas. Calon BN akan ditentang calon PAS, Zulkefli Mamat.

Tengku Razaleigh berkata, apa yang dibimbangi sekarang ialah undi majoriti BN tidak akan naik kerana kebanyakan pengundi di luar Kelantan tidak dapat pulang kerana hari mengundi itu adalah hari bekerja dan ada yang hendak menghantar anak-anak ke sekolah.

Ditanya apa kesannya jika BN kalah pada pilihan raya itu, Tengku Razaleigh berkata, kajian akan dijalankan bagi mencari sebab-sebab serta rumusan bagi memperbaiki keadaan.

"Bagaimanapun, saya yakin BN tidak akan kalah dan perkara itu tidak perlu dirisaukan," katanya.

Beliau menegaskan bahawa kemasukan bekas anggota S46 ke dalam UMNO adalah semata-mata untuk melihat orang Melayu selamat dan terus maju iaitu Melayu terus dipilih untuk menerajui negara ini pada masa depan.

Semasa berceramah, Tengku Razaleigh mengajak rakyat terutama bekas anggota S46 supaya mengeneipkan anggapan pihak tertentu bahawa mereka akan ditipu setelah memasuki UMNO kerana semuanya itu adalah tidak benar.

"Tidak timbul soal tipu-menipu apabila S46 memasuki UMNO kerana Dr Mahathir yang ditemui baru-baru ini berjanji untuk menunaikan apa yang dicakapkannya termasuk untuk menerima semua bekas anggota parti itu menjadi anggota UMNO," katanya.

Beliau berkata, kira-kira 100,000 lagi borang keahlian akan diserahkan kepada Perdana Menteri sebagai tambahan kepada 200,000 borang keahlian yang telah dihantar sebelum ini bagi menunjukkan bahawa masih ramai mahu menyertai UMNO.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Annuar Musa pula berkata, kemasukan S46 ke dalam UMNO akan mengubah senario kehidupan dan politik rakyat Kelantan.

Pilihan raya kecil itu memberi peluang kepada mereka untuk membuktikan bahawa wujudnya permuafakatan yang erat di kalangan mereka dengan memberi kemenangan kepada calon BN, sambil menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap kerajaan negeri Kelantan pimpinan PAS selama ini, katanya.

Ketua Penerangan UMNO Kelantan, Datuk Ibrahim Ali yang turut berceramah berkata, rakyat Kelantan perlu tahu membalas budi kerana ramai di kalangan anak negeri ini telah menjadi tokoh penting negara melalui perjuangan BN selama ini.

Manakala Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Zahid Hamidi berkata, UMNO tidak menolak perjuangan PAS untuk menegakkan Islam tetapi mereka perlu memperseimbangkan antara dunia dan akhirat demi kesejahteraan rakyat. --

BERNAMA
BD AM PR